

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	08/01/2018

Namakan Tun M calon PM keputusan terburu-buru

BH- 8/1/2018 9.9

➔ **Pemimpin akar umbi parti gabungan mahu calon muda dipilih**

Oleh **Rafidah Ruzki, Mohd Azrone Sarabatin dan Mohd Nasaruddin Parzi**
bhnews@bh.com.my

Shah Alam

Tindakan kepemimpinan pakatan pembangkang menamakan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri, jika menang Pilihan Raya Umum (PRU) ke-14, dibantah pemimpin akar umbi parti gabungan itu.

Ada di antara mereka menyifatkan keputusan memilih Dr Mahathir sebagai terburu-buru dan tidak sesuai dalam senario politik semasa, selain ada kebimbangan bekas perdana menteri itu akan mungkir janji.

Ketua Wanita PKR, Zuraida Kamaruddin, melahirkan rasa kecewa apabila pakatan pembangkang memutuskan untuk memilih Dr Mahathir menjadi Perdana Menteri, jika memenangi PRU-14.

Beliau berkata, adalah sesuatu yang malang apabila PKR kini terbit dengan Dr Mahathir dan Presiden Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Ya sesuatu yang kejam apabila PKR terpaksa bersama Dr Mahathir dan Muhyiddin. Secara peribadi, saya kecewa dengan pengumuman itu," katanya.

Ketika konvensyen wanita pakatan pembangkang di Kajang kel-

marin, Zuraida mencadangkan agar Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Azmin Ali sebagai calon Perdana Menteri, berbanding Dr Mahathir yang disifatkan lebih sesuai untuk menteri kanan.

Ketua Wanita PKR Melaka, Mahani Masban, berharap masih ada ruang oleh kepemimpinan tertinggi pembangkang untuk meneliti dan membincangkan semula keputusan memilih Dr Mahathir itu. "Sewajarnya dalam mendepani politik masa kini, calon muda ditampikan sebagai orang yang menerajui sebuah kerajaan, bukannya membawa kembali pemimpin lama.

"Sejak 1998, apa yang berlaku pada Datuk Seri Anwar Ibrahim sebagai Timbalan Perdana Menteri, seharusnya dijadikan titik tolak kepada sebarang keputusan yang diambil.

"Apatah lagi ketika ini Anwar masih dalam penjara," katanya ketika diminta mengulas pengumuman Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri pembangkang pada konvensyen gabungan pembangkang 2018 di sini, semalam.

Mahani menyifatkan keputusan yang ditumukkan itu sebagai sangat pahit dan berharap baki masa yang ada menjelang PRU-14, perubahan masih boleh dibuat.

"Harapan baharu, suara baharu. Bila kita ambil semula yang lama, kita tidak akan mara ke hadapan," katanya.

Ketua Wanita PKR Perlis, Fauziah Hamzah turut tidak bersetuju dengan pemilihan Dr Mahathir.

Beliau berkata, sepatutnya pemimpin muda seperti Azmin dipilih sebagai calon Perdana Menteri ketujuh.

Azmin layak

"Berdasarkan rekod Azmin menadbir negeri Selangor, melayakkan dia untuk menerajui Kerajaan Pu-

sat, jika gabungan pembangkang menang PRU.

"Azmin meletakkan dirinya sebagai pemimpin yang banyak melaksanakan program untuk orang muda dan wanita. Azmin lebih layak menjadi calon Perdana Menteri.

"Saya sangat berharap agar pengumuman hari ini (semalam) menamakan anak muda sebagai Perdana Menteri. Inilah permintaan wanita (PKR)," katanya.

Aktivis Reformasi 98, Shafiq Ali, pula tidak yakin Dr Mahathir akan memenuhi janjinya jika dilantik kelak kerana bekas Perdana Menteri keempat itu dikenali sebagai seorang yang tidak menepati janji.

"Saya tidak menyambut baik pemilihan Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri sebab dia itu suka membuat pusingan," katanya.

Ramai ahli tak sokong cadangan

Sementara itu, Naib Presiden PKR, Shamsul Iskandar Mohd Akin mengakui ramai pemimpin dan ahli akar umbi parti itu tidak menyokong cadangan Dr Mahathir sebagai calon Perdana Menteri jika gabungan pembangkang memenangi PRU-14. Sehubungan itu katanya, pemimpin parti akan turun padang untuk memberi penerangan kepada pengundi dan ahli akar umbi berhubung keputusan berkenaan. "Kita tahu ada tak puas hati, namun itu tak jadi masalah besar kerana keputusan dimuktamadkan semua pemimpin parti menganggotai Pakatan Harapan yang mengambil pendirian tegas dan muktamad mengenainya.

"Lihat ke depan. Apa yang penting agenda reformasi? Keadilan (PKR) akan diteruskan. Pemimpin dan ahli parti sudah lama berjuang dan mereka memahaminya," katanya.

Mengenai pembahagian kerusi,

Shamsul Iskandar yang juga Ahli Parlimen Bukit Katil berkata, pihaknya berpuas hati walaupun Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) bertanding 52 kerusi, berbanding hanya 51 untuk PKR.

"Lagipun itu hanya kerusi di Semenanjung kerana kami masih ada kerusi ditandingi di Sabah dan Sarawak serta PPBM tak bertanding di dua negeri itu," katanya. Dalam pada itu, Presiden Parti Amanah Negara (PAN), Mohamad Sabu, berkata partinya akan menuntut lebih banyak kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) selepas hanya diperuntukkan 27 kerusi Parlimen di Semenanjung.

"Saya harap akan menuntut lebih banyak kerusi DUN," katanya.

PAN Johor juga mahu kepemimpinan gabungan pembangkang mengkaji dan menyemak semula agihan kerusi untuk semua parti bertanding.

Pengerusi PAN Johor, Aminolhuda Hassan kecewa parti itu seakan dipinggirkan dan mendapat jumlah kerusi paling sedikit iaitu hanya 27 kerusi, berbanding Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) mendapat 52 kerusi.

Katanya, perbincangan lebih telus terhadap agihan kerusi perlu diadakan dalam gabungan itu demi memastikan kemenangan dicapai pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

Ketika pengumuman agihan kerusi Parlimen untuk ditandingi pembangkang di Semenanjung semalam, PPBM ditumukkan bertanding paling banyak kerusi iaitu 52 diikuti PKR (51), DAP (35) dan 27 kerusi oleh PAN.

Meskipun hanya disenaraikan bertanding 35 kerusi di Semenanjung, hakikatnya DAP juga bakal meletakkan calonnya di Sabah dan Sarawak seperti PRU-13, yang menyaksikan parti itu bertanding 51 kerusi di seluruh negara.